

17/09/2003

Bangladesh syor Dr M Setiausaha Agung PBB

DELEGASI Bangladesh mencadangkan supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), menggantikan Koffi Annan pada penggal hadapan.

Ehsanul Hoque yang juga Menteri Pendidikan Bangladesh mengemukakan cadangan itu sewaktu berucap pada sesi penggulungan resolusi pada hari terakhir persidangan itu semalam.

"Kebolehan Dr Mahathir menangani pelbagai isu yang berkaitan dengan dunia Islam menunjukkan kewibawaannya sebagai pemimpin yang berkebolehan.

"Kami dengan ini mencadangkan supaya beliau dicalonkan sebagai Setiausaha Agung PBB pada tahun hadapan," katanya.

Bagaimanapun, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Dr Mohd Kamal Hassan, yang bertindak sebagai pengerusi sesi berkenaan, menolak cadangan itu untuk diterima sebagai resolusi kerana penetapan resolusi sudah dilaksanakan.

Hoque dalam ucapannya juga turut mengemukakan cadangan supaya satu saluran televisyen khas untuk masyarakat Islam di dunia diwujudkan.

Cadangan berkenaan juga ditolak untuk diterima sebagai resolusi ICMYL.